

MASZLEE MALIK

Reformasi Universiti

AGENDA TERNAFI



Reformasi Universiti

AGENDA TERNAFI

Dr Maszlee Malik

PUSTAKA PERDANA



1013274

KAWANDANET

Selangor

2022



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

REFORMASI UNIVERSITI: AGENDA TERNAFI

Hak Cipta Terpelihara @ Maszlee Malik, 2022
Hak Cipta Penerbitan @ KAWANDANET Sdn Bhd, 2022

Cetakan Pertama, 2022

Penerbit:
KAWANDANET Sdn Bhd (1446628-H)
No. 3, Jalan Seri Tasik Timur 8D,
Perdana Lakeview East,
63100 Cyberjaya, Selangor.

Diurus terbit oleh:
IB MEDIA PLT (LLP0001499-LGN)
No. 94(G), Jalan Nilai Square 3, Nilai Square,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.

Emel: kawandanet@gmail.com
Facebook: www.facebook.com/kedaidrmaszlee
Website: www.kedaidrmaszlee.com
Whatsapp: +6010-9545090

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Maszlee Malik, Dr., 1974-

Reformasi Universiti : AGENDA TERNAFI / DR MASZLEE MALIK.

ISBN 978-967-0079-00-4

1. Educational change--Malaysia.
2. Universities and colleges--Malaysia.
3. Ombudspersons.
4. Education and state--Malaysia.

I. Judul.

370.9595

Ketua Editor: Muhammad Din
Editor: Salsyahirah
Prof: Bukhari / Addeen
Atur Huruf: Salsyahirah / Bukhari
Reka Bentuk Kulit: Bukhari
Jualan & Pemasaran: Harith & Anis

Dicetak oleh:
Vinlin Press Sdn Bhd
No. 2, Jalan Meranti Permai 1, Meranti Permai Industrial Park,
Batu 15 Jalan Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	7
BAB 1 Reformasi Tadbir Urus Sistem Pengajian Tinggi: Satu Perubahan Struktural	15
BAB 2 Ombudsman	41
BAB 3 Pembiayaan dan Kewangan Institusi	53
BAB 4 Perjanjian Tahap Perkhidmatan	73
BAB 5 Profesion Akademik	81
BAB 6 Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi	123
PENUTUP	167
LAMPIRAN	171



PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah meletakkan bahawa:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh, dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis, dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Hakikatnya, aspirasi sistem pendidikan negara adalah refleksi kepada aspirasi negara. Asas pendidikan ialah melahirkan insan yang berfungsi di tengah-tengah setiap komuniti dan masyarakat. Tetapi, komuniti dan masyarakat juga berperanan besar untuk menyumbang ke arah merealisasikan impian yang telah kita lakarkan bersama. Tidak kiralah siapa pun kita - pendidik, staf pentadbiran atau sokongan, ibu bapa, pelajar, *civil society*, mahupun pihak swasta, terlalu banyak perkara yang boleh kita lakukan bersama. Pendidikan ialah tanggungjawab semua. Kita tidak mahu lagi pendidikan menjadi begitu terasing dengan masyarakat. Pendidikan seharusnya menjadi penyelesaian kepada masalah-masalah yang melanda masyarakat, dan menjadi pemangkin kepada lahirnya masyarakat yang maju, bersatu padu dan berdaya saing.

Memahami *essence* pendidikan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah teraju penulis pada sekitar tahun 2018-2019 berusaha untuk mengembalikan wibawa universiti awam dan pengajian tinggi. Demi mencapai dua visi penting ini, tiga hala tuju yang akan menjadi kompas dan paksi pergerakan KPM telah ditetapkan. Tiga hala tuju tersebut ialah: 1. Pendidikan berteraskan nilai; 2. Peningkatan kualiti seluruh sistem; serta 3. Autonomi dan akauntabiliti untuk sekolah dan universiti.

Pada 15 Januari 2019, sebuah jawatankuasa telah dilantik oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan untuk menyediakan draf

undang-undang serta menyediakan cadangan bagi sistem pendidikan tinggi. Sehubungan dengan itu, pada 21 Februari 2019, mesyuarat pertama telah diadakan untuk melaksanakan tanggungjawab bagi meneliti secara menyeluruh akan perundangan yang sesuai bagi pendidikan tinggi.

Pada 20 Jun 2019, tugas untuk menyediakan draf undang-undang tersebut telah dipinda kepada penyediaan rangka kerja undang-undang. Taklimat telah diberikan kepada penulis selaku Menteri Pendidikan pada waktu tersebut mengenai langkah-langkah cadangan yang diambil oleh jawatankuasa pada 21 Jun 2019, dan telah meluluskan langkah-langkah umum yang dibentangkan itu.

Laporan tersebut mengandungi pembentangan enam kertas dasar mengenai aspek tadbir urus dalam pendidikan tinggi dan rangka kerja undang-undang bagi Akta Pendidikan Tinggi yang dicadangkan seperti berikut:

1. Kertas Dasar Tadbir Urus Sistem
2. Kertas Dasar Ombudsman
3. Kertas Dasar Pembiayaan dan Kewangan Institusi
4. Kertas Dasar Perjanjian Tahap Perkhidmatan
5. Kertas Dasar Profesion Akademik
6. Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi (Rangka kerja undang-undang dan kawal selia bagi Akta Pendidikan Tinggi yang baharu).

Dalam proses tersebut, perundangan yang berkaitan dengan pendidikan tinggi di Malaysia dan negara lain, dokumen kerajaan, dasar dan institusi, serta penerbitan akademik telah diteliti. Penglibatan dan pandangan daripada individu, kumpulan berkepentingan dan pemegang taruh turut diambil kira, seperti yang disertakan dalam Lampiran. Input, penghujahan bertulis dan hasrat-hasrat daripada pelbagai pihak yang telah dibentangkan secara terus atau dikemukakan kepada jawatankuasa ini melalui jawatankuasa lain turut disemak dan diberi pertimbangan sewajarnya.

Prinsip Panduan

Sebelum rangka kerja perundangan dan cadangan bagi mengukuhkan sistem tadbir urus pengajian tinggi di Malaysia dihuraikan, perlu dijelaskan dari awal bahawa jawatankuasa ini telah dipandu oleh beberapa prinsip seperti yang terkandung dalam kenyataan berikut:

“Sistem pendidikan tinggi dikawal selia dan dibiayai untuk memenuhi kepentingan sosial dan ekonomi Malaysia, dengan institusi pengajian tinggi individu yang berautonomi dan bertanggungjawab dalam menuntut ilmu, berasaskan integriti dan kebebasan akademik, serta pendidikan dan pembangunan bakat berdasarkan peluang yang saksama dan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.”

Pendidikan tinggi merupakan perkara yang menjadi keutamaan negara. Kualiti pendidikan dan pembelajaran di universiti dan institusi pengajian tinggi kita ialah kunci kepada masa hadapan Malaysia. Akses kepada pendidikan tinggi sama pentingnya kepada pembangunan sosioekonomi negara yang inklusif. Peri pentingnya pendidikan tinggi dalam pembangunan negara ini harus terus diberi penekanan. Oleh hal yang demikian, demi kepentingan Malaysia, pendidikan tinggi mesti kekal sebagai bidang keutamaan negara.

Kepentingan pendidikan tinggi harus dicerminkan dalam keutamaan belanjawan kerajaan. Tanpa mengira apa jua keadaan ekonomi, dana awam yang diperuntukkan bagi tujuan pendidikan tinggi adalah pelaburan yang perlu demi masa hadapan Malaysia. Sektor pendidikan tinggi swasta kini menyumbang separuh daripada sistem pendidikan tinggi. Hal ini bermaksud pelaburan orang ramai dalam pendidikan tinggi awam masih perlu dan amat penting demi memastikan masa hadapan Malaysia tidak terjejas dalam apa cara sekalipun.

Peranan negara Malaysia, seperti yang diwakili oleh kerajaan mutakhir, adalah sebagai penggubal dasar, pembiaya dan pengawal selia. Rangka kerja tadbir urus dan perundangan akan direka bentuk untuk menterjemahkan peranan ini, seterusnya melonggarkan campur tangan pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan dari segi urusan operasi di universiti dan institusi pengajian tinggi.

Tadbir urus sistem pengajian tinggi adalah penting bagi memastikan sistem tersebut kekal tangkas. Dalam era perubahan pesat diiringi kemunculan teknologi yang mentakrifkan semula pendidikan tinggi, tadbir urus sistem sedemikian harus dapat memudahkan universiti dan institusi pengajian tinggi untuk memenuhi fungsi utama mereka dalam pendidikan, penyelidikan serta perkhidmatan dan bukannya menyekat atau menjadi penghalang.

Sistem pendidikan tinggi Malaysia mempunyai kepelbagaian institusi untuk memenuhi keperluan populasi pelajar yang berbeza. Walaupun Clark Kerr terpaksa mereka bentuk sistem universiti tiga peringkat untuk California pada 1960-an, pembangunan organik berserta dengan dasar

kerajaan telah membentuk sistem pendidikan tinggi di Malaysia untuk menerima kepelbagaian yang signifikan. Pendidikan tinggi di Malaysia merangkumi institusi awam dan swasta, universiti, kolej dan politeknik, serta institusi penyelidikan, komprehensif dan berfokus. Kepelbagaian ini perlu diperkukuhkan dan dipelihara.

Autonomi Pengajian Tinggi

Universiti dan institusi pengajian tinggi harus menjadi badan berautonomi, berasingan dan terpisah daripada kerajaan. Semua universiti dan institusi pengajian tinggi harus ditadbir sendiri mengikut perlembagaan, statut dan peraturan mereka, terutamanya dalam urusan tugas akademik, piawaian dan kegiatan. Bagi universiti awam, walaupun pihak universiti harus terus menerima wang awam dalam bentuk bayaran untuk perkhidmatan yang diberikan kepada negara, mereka juga harus mempunyai autonomi sepenuhnya dalam empat aspek: pelantikan, hal ehwal akademik, kemasukan pelajar dan hal ehwal kakitangan.

Seiring dengan autonomi, universiti dan institusi pengajian tinggi juga mesti dipertanggungjawabkan. Universiti awam dan institusi yang menerima wang awam mestilah telus dan bertanggungjawab terhadap kerajaan dan masyarakat Malaysia. Walaupun institusi swasta tidak menerima wang awam, peranan penting institusi swasta dalam pendidikan dan penambahbaikan masyarakat turut menerapkan tahap akauntabiliti awam yang signifikan ke atas institusi tersebut.

Ahli akademik dan pelajar harus mempunyai kebebasan untuk menjalankan penyelidikan, mengajar dan belajar, bercakap dan menerbitkan, tertakluk kepada norma dan piawaian penyelidikan ilmiah tanpa gangguan atau penalti, mengikut ke mana sahaja arah yang dibawa dalam pencarian ilmu. Kebebasan akademik hanya boleh dicapai apabila universiti dan institusi pengajian tinggi memiliki autonomi tanpa pengaruh luar, lantas memberikan ruang neutral untuk melaksanakan kebebasan intelek ini.

Buku ini adalah pengolahan semula kertas-kertas cadangan yang telah disebutkan yang telah pun dibentangkan kepada penulis sewaktu menjawat jawatan sebagai menteri pendidikan. Malangnya, perubahan kerajaan melalui Langkah Sheraton pada bulan Mac 2020 telah menyaksikan cadangan reformasi struktural kepada pendidikan tinggi negara ini telah diabaikan dan diketepikan. Melalui beberapa soalan di parlimen dan lewat beberapa mesyuarat di antara Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan Parlimen yang dipengerusikan oleh penulis, Kementerian Pengajian Tinggi dan kerajaan Malaysia sendiri sama ada di bawah pimpinan Perdana Menteri Tan Sri

Mahiaddin Md Yasin mahupun Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri, langsung tidak menunjukkan kesungguhan untuk melakukan perubahan radikal terhadap Pendidikan Tinggi negara demi menjadikannya setaraf dengan negara-negara maju.

Reformasi yang Tertangguh

Melihat kepada keadaan ini, penulis berasa terpanggil untuk mencoretkan semula cadangan dan percubaan perubahan reformasi radikal yang telah dikemukakan dalam kertas-kertas cadangan tersebut demi mengangkat taraf pendidikan tinggi negara. Walaupun kebanyakan isi kandungan dalam buku ini mengambil pandangan kertas-kertas yang telah dibentangkan dan dipersetujui itu, namun penulis menggunakan kebebasan untuk mengolahnya semula.

Buku ini dibahagikan kepada enam bab berdasarkan setiap enam kertas dasar mengenai aspek tadbir urus dalam pendidikan tinggi dan rangka kerja undang-undang bagi Akta Pendidikan Tinggi seperti yang telah disebutkan sebelum ini, iaitu:

1. Bab Pertama mengenai Dasar Tadbir Urus Sistem
2. Bab Kedua mengenai Dasar Ombudsman
3. Bab Ketiga mengenai Dasar Pembiayaan dan Kewangan Institusi
4. Bab Keempat mengenai Dasar Perjanjian Tahap Perkhidmatan
5. Bab Kelima mengenai Dasar Profesion Akademik
6. Bab Keenam dan yang terakhir pula ialah mengenai Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi

Penulis berasa terpanggil dan merasakan wajib untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Reformasi Pendidikan Tinggi yang telah dilantik pada tahun 2019 dan yang bertanggungjawab mengemukakan cadangan-cadangan tersebut melalui kertas-kertas dasar yang telah disebutkan. Jawatankuasa tersebut telah diketuai oleh Dr. Wan Chang Da dari Universiti Sains Malaysia, di mana beliau telah dibantu oleh ahli jawatankuasa lain daripada kalangan ahli akademik dan pakar-pakar dari dalam dan luar negara. Mereka adalah: Profesor Dato' Dr. Norzaini Azman, dari Universiti Kebangsaan Malaysia; Profesor Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod, dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Profesor Dr. Aiman @ Nariman Mohd. Sulaiman, juga dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Profesor Dr. Russayani Ismail, dari Universiti

Utara Malaysia; Profesor Madya Dr. Rozilini M. Fernandez-Chung, dari University of Nottingham Malaysia; Profesor Madya Dr. Soon Jan Jan, dari Universiti Utara Malaysia; Dr. Lee Hwok Aun, dari Institut ISEAS-Yusof Ishak, Singapura; Dr. Ahmad Nazri Sulaiman, dari Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia; Dr. Mohamed Ali Hj. Abdul Rahman, dari Monash University Malaysia; En. U.K. Menon, dari Espact Sdn. Bhd.; dan juga En. Suharmi Ismail, dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kertas-kertas asal naskhah ini dalam bahasa Inggeris juga telah disediakan oleh Dr. Wan Chang Da.

Selain Ahli Jawatankuasa yang terlibat, penulis juga ingin menzahirkan penghargaan kepada pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan yang telah bersama memberikan sumbang saran dan lontaran pandangan kepada Jawatankuasa sepanjang tempoh libat urus mereka, antara mereka ialah: Jawatankuasa Naib Canselor Universiti-universiti Awam (JKNC); JKNC Taskforce Pemansuhan AUKU; Jawatankuasa Pemansuhan Teknikal AUKU (JKPT AUKU); Jawatankuasa Pemansuhan Teknikal AUKU - Jawatankuasa Kerja Urus Tadbir; Jawatankuasa Pemansuhan Teknikal AUKU - Jawatankuasa Kerja Pelajar; Jawatankuasa Pemansuhan Teknikal AUKU - Jawatankuasa Kerja Akademik; Jawatankuasa Pemansuhan Teknikal AUKU - Jawatankuasa Kerja Perundangan; Institusi-institusi Pendidikan Tinggi Swasta dan Pertubuhan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK).

Tidak adil juga jika penulis tidak memberikan penghargaan kepada pakar-pakar yang turut menjadi narasumber kami dalam meneliti isu-isu berkaitan dengan usaha reformasi pendidikan tinggi yang telah dilibatkan oleh Jawatankuasa dalam membina naratif dan *proposal* mereka. Antara mereka ialah: Dr. Abdul Razak Ahmad, dari Bait al-Amanah; Tan Sri Alwi Ibrahim, mantan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri; Lt. Kolonel (B) Dr. Ahmad Ghazali Abu Hassan, dari Pertubuhan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK); Profesor Datuk Asma Ismail, Presiden, Akademi Sains Malaysia; Profesor Dr. Cheng Kai Ming, dari Universiti Hong Kong; Dr. Dayana Jalaludin, Pensyarah Kanan, Universiti Sains Malaysia; Profesor Dr. Er Meng Hwa, dari Universiti Teknologi Nanyang Singapura; Puan Eylani Ahmad, Timbalan Bendahari, Universiti Utara Malaysia; Profesor Dr. S. Gopinathan, Penasihat Kanan Akademik, Yayasan HEAD Singapura; Dr. Molly Lee, bekas Pakar Program Pendidikan Tinggi UNESCO; Profesor Dr. Mohamad Kamal Harun, Timbalan Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA; En. Mohamad Onn Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan; Profesor Dr. Mok Ka Ho, Naib Presiden, Universiti Lingnan Hong Kong; Profesor Dato' Dr.

Morshidi Sirat, Pengarah, Commonwealth Tertiary Education Facility; Dato' Dr. Noor Zari Hamat, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi; Profesor Dr. Nor Aziah Abd. Manaf, Pengarah RIMC, Universiti Utara Malaysia; En. Ooi Tze Howe, Pertubuhan Belia Pengajian Tinggi; Profesor Dato' Dr Rahmah Mohamed, mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Agensi Kelayakan Malaysia; En. Redzuan Ishak, Ketua Seksyen Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Utara Malaysia; Dr. Rohayati Mohd. Isa, Bendahari, Universiti Sains Malaysia; Dr. Rosli Mahat, dari Pertubuhan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK); Profesor Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, Profesor dari Universiti Malaya; Dato' Hj. Suhaimi Mahbar, mantan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam; Profesor Dr. James T. H. Tang, Setiausaha Agung, Secretary General, Jawatankuasa Geran Universiti Hong Kong; Profesor Dr. Teh Yik Koon, dari Pertubuhan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK); En. Henry Wai, Pendaftar, Universiti Hong Kong; Dr. Wan Abdul Manan Wan Muda, dari Pertubuhan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK); Profesor Dr. Zaharom Nain, Pengerusi, Pertubuhan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK); Dr. Zahrah Mokhtar, bekas Pendaftar, Universiti Teknologi MARA; dan Dr. Zubir Azhar, Pensyarah Kanan Universiti Sains Malaysia.

Akhir sekali, dan paling utama, kita perlulah bersama menghayati kenyataan Jawatankuasa Kabinet mengenai Perlembagaan Universiti Pulau Pinang di mana dalam laporan mereka ada menyatakan:

“Kebebasan akademik adalah syarat yang diperlukan untuk kecekapan tertinggi dan kemajuan yang sepatutnya bagi institusi akademik, dan bahawa gugatan terhadap kebebasan mereka, demi kepentingan lain yang lebih besar, sebenarnya akan mengurangkan kecekapan mereka dan membantutkan pembangunan mereka.”¹

1. Suffian, M. (1969). Laporan jawatankuasa Kabinet mengenai Perlembagaan Universiti Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Yang Amat Arif Tuan Hakim Suffian. Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan Cetak Kerajaan. hlm. 2

Bab 1

REFORMASI TADBIR URUS SISTEM PENGAJIAN TINGGI: SATU PERUBAHAN STRUKTURAL

Mewujudkan Organisasi Penimbal

SOROTAN

- Gambaran tadbir urus semasa dalam sistem pendidikan tinggi Malaysia
 - Prinsip pentadbiran dalam pendidikan tinggi: kebebasan akademik, autonomi institusi dan akauntabiliti institusi, dibincangkan
 - Kajian Kes P1-1: Sistem kuasa langsung
 - Kajian Kes P1-2: Sistem dengan kuasa penimbal
-
- **Saranan Jawatankuasa**
Sebuah tadbir urus baharu yang:
 - i. mengekalkan peranan Menteri dan Kementerian
 - ii. mewujudkan organisasi penimbal berserta lima suborganisasi
 - iii. mewujudkan organisasi penimbal semak danimbang
 - iv. urusan akademik, pelajar dan kakitangan diserahkan kepada universiti dan institusi pengajian tinggi

Pengenalan

Tadbir urus dalam kertas kerja ini merujuk secara khusus kepada struktur penggubalan dasar, proses membuat keputusan dan hubungan di peringkat sistem pendidikan tinggi. Sistem pendidikan tinggi bukan sahaja terdiri daripada universiti dan institusi, tetapi juga pihak berkuasa, kementerian dan agensi yang secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi bagaimana institusi ini berfungsi. Oleh hal yang demikian, tadbir urus dalam kertas kerja ini secara khusus merujuk kepada dua dimensi: peranan negara Malaysia dalam mentadbir sistem pengajian tinggi dan hubungan antara negara Malaysia dengan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Pendidikan tinggi adalah perkara yang menjadi keutamaan negara. Seawal tahun 1962, Kerajaan Tanah Melayu telah menugaskan Jawatankuasa Perancang Pengajian Tinggi untuk mengkaji semula susunan pengajian tinggi dan membuat cadangan pembangunan serta penambahbaikan pengajian tinggi mengikut keperluan dan sumber kewangan negara pada masa tersebut.

Di bawah Dasar Ekonomi Baru, keutamaan pendidikan tinggi sebagai bidang penting untuk pembinaan negara dan pembangunan ekonomi telah diberi penekanan semula. Universiti awam telah diamanahkan untuk menambah bilangan graduan mahir dan terlatih bagi memenuhi keperluan tenaga kerja Malaysia. Pengesahan institusi pengajian tinggi swasta pada tahun 1996 meningkatkan lagi akses kepada pendidikan tinggi untuk rakyat Malaysia.

Penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2003 telah menggariskan keutamaan kerajaan dalam memberikan tumpuan kepada pembangunan pendidikan tinggi seterusnya membawa kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007-2020 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 sebagai dokumen strategik bagi merangka hala tuju pengajian tinggi Malaysia.

Sistem Pendidikan Tinggi Malaysia

Sistem pendidikan tinggi Malaysia yang berkembang daripada kampus berautonomi apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957, sehingga 2020 ia terdiri daripada 20 universiti awam, 53 universiti swasta, 10 kampus cawangan luar negara, 37 kolej universiti swasta dan 347 kolej swasta. Selain itu, terdapat institusi pengajian tinggi seperti politeknik, kolej komuniti, pusat pembangunan kemahiran, institut seni dan institut pendidikan guru yang berada di luar bidang kuasa Jabatan Pengajian Tinggi di Kementerian Pendidikan.

Sehingga 2017, terdapat 538,555 pelajar yang mendaftar di 20 universiti awam dan 666,617 pelajar di seluruh institusi pengajian tinggi swasta. 99,606 dan 20,921 pelajar telah mendaftar di politeknik dan kolej komuniti, masing-masing. Universiti awam mempunyai 31,740 kakitangan akademik dan terdapat 48,643 kakitangan di seluruh institusi swasta, masing-masing 7,376 di politeknik dan 2,724 di kolej komuniti.

Peranan Kementerian Pendidikan

Portfolio pendidikan tinggi dalam susun letak kerajaan semasa adalah di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan, dan Jabatan Pengajian Tinggi berada di bawah Kementerian Pendidikan. Antara Mac 2004 dan Mei 2013, dan antara Julai 2015 dan Mei 2018, portfolio pendidikan tinggi berada di bawah Menteri Pengajian Tinggi, dan Kementerian Pengajian Tinggi berdiri sendiri sebagai sebuah kementerian yang bebas daripada Kementerian Pendidikan.

Tanpa mengira susun letak kerajaan, Menteri yang diamanahkan dengan portfolio pendidikan tinggi adalah wakil utama kerajaan hari ini, yang bertanggungjawab menyediakan hala tuju umum untuk pendidikan tinggi sepertimana yang tetap ditetapkan oleh badan perundangan utama yang mengawal universiti dan institusi pengajian tinggi.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 mengenal pasti tadbir urus sebagai salah satu daripada 10 anjakan yang diperlukan oleh pendidikan tinggi dalam usaha mencapai kecemerlangan. Pelan tindakan itu dengan jelas menyatakan bahawa kementerian, sebagai pihak berkuasa utama dalam mentadbir pendidikan tinggi, mesti menggalas pelbagai peranan seperti berikut (KPM, 2015, hlm. 6-8):

- pembiayaan,
- pengawal selia,
- pembuat polisi,
- pengawas, dan
- pengawal ketat

Ini menunjukkan bahawa kerajaan menyediakan pembiayaan, menetapkan dasar keseluruhan dan hala tuju strategik, mengawal selia dan juga menentukan serta terlibat dalam keputusan utama institusi pengajian tinggi, terutamanya berhubung perkara seperti pelantikan jawatan kepimpinan utama.

Selain Kementerian Pendidikan, terdapat juga Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dan pelbagai agensi seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Education Malaysia Global Services (EMGS) - yang terlibat dalam mentadbir urus sistem pengajian tinggi.



Reformasi Universiti

AGENDA TERNAFI

Kebebasan akademik merupakan ruang buat institusi pengajian tinggi mengorak langkah kecemerlangan dalam pembangunan pendidikan negara, perkara ini menjadi refleksi kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah menjadi aspirasi sistem pendidikan dalam masyarakat. Campur tangan dan sekatan yang wujud dari kerajaan akan membantutkan segala idea dan mengganggu gugat usaha yang giat dilaksanakan kerana pada hakikatnya kerajaan adalah politik.

Reformasi Universiti: Agenda Ternafi merupakan garapan cadangan dalam usaha menambahbaik nilai-nilai dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia melalui penelitian kertas-kertas kajian yang telah mendasari wacana yang dibawa. Penafian reformasi pendidikan secara total hanya menatijahkan kemunduran. Bagaimana dengan nasib anak bangsa?



Maszlee Malik merupakan ahli parlimen Simpang Renggam dan Menteri Pendidikan Malaysia dari tahun 2018-2020. Beliau pernah mengajar di UIAM dari tahun 2000-2018, dan telah menulis beberapa buku akademik, fiksyen dan bukan fiksyen yang diterbitkan dalam pelbagai bahasa di dalam dan luar negara.

kawandanet



9 789670 079004